

# Bot asing tangkap gamat ditahan

Hasil pemeriksaan Maritim Malaysia temui sebanyak 50kg hasil laut jenis gamat

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

**K**egiatan bot nelayan asing menangkap gamat di perairan negara ini berjaya dihidiu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman apabila dua buah bot nelayan Vietnam ditangkap bersama 13 tekong dan awak-awak.

Kedua-dua bot yang menceroboh perairan negara itu ditahan kira-kira jam 12.20 dan 12.30 tengah hari kelmarin pada jarak lebih kurang 50 batu nautika dari Kuala Kemaman.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidihadi Abd Rashid berkata, melalui hasil pemeriksaan pihaknya, seba-



Pengerusi kuasa Maritim Malaysia memeriksa kedua-dua bot yang ditahan pada kedudukan 50 batu nautika dari Kuala Kemaman.

nyak 50 kilogram hasil laut jenis gamat ditemui pihaknya di dalam salah sebuah bot.

"Kedua-dua bot nelayan asing terbabit ditahan ketika kapal ronda Maritim Malaysia yang melakukan rondaan Op Iman di sekitar perairan Terengganu telah mengesan dua bot itu sedang bergerak di sekitar perairan Kemaman.

"Kesemua tekong dan awak-awak warganegara Vietnam yang ditahan adalah berusia antara 25

hingga 48 tahun," katanya pada sidang media di Jeti Zon Maritim Kemaman.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati sebuah bot tidak memiliki sebarang dokumen atau permit kebenaran yang sah daripada Jabatan Perikanan Malaysia manakala sebuah bot lagi mempunyai dokumen lesen perikanan yang meragukan.

"Semua bot termasuk hasil dan peralatan menangkap ikan yang



Rashidihadi melihat gamat yang disimpan dalam tong di salah sebuah bot yang ditahan.

dianggarkan bernilai RM600,000 berserta awak-awak dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurut Rashidihadi, bot-bot itu akan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM1 juta bagi pemilik dan tekong dan tidak melebihi RM100,000 bagi awak-awak atau penjara tidak melebihi dua tahun jika disabitkan kesalahan.

Sementara itu katanya, sejak 2006 hingga sekarang, Maritim Malaysia Negeri Terengganu berjaya membuat sebanyak 648 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan di perairan negeri ini.

"Maritim Malaysia memandang serius isu pencerobohan nelayan asing dan akan mempertingkatkan lagi rondaan dan kawalan di Zon Maritim Malaysia bagi memastikan perairan negara sentiasa selamat dan terpelihara," katanya.